

3. AKREDITASI

Kelulusan diberikan kepada syarikat yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti berikut:-

1. Mempunyai lesen-lesen mencukupi dan masih dalam tempoh sah
2. Mempunyai dokumen kerja pewasapan yang lengkap (WPM-1, WPM-2, PQ 14, PQ 15, Service Report dan Sijil Fumigasi) – Renewal sahaja.
3. Mempunyai peralatan pewasapan yang lengkap, berfungsi, dikalibrasi dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan :-
 - Alat Mengesan Kebocoran Gas
 - Alat Mengukur Kepekatan Gas
 - Tarpaulin
 - Sand-snake
 - Volatilizer / Vapouriser dan Alat Pemanas
 - Penimbang atau Dispenser
 - Monitoring Tube
 - Gassing Tube
 - Pita Pengukur
 - Kipas
4. Mempunyai peralatan keselamatan yang lengkap dan berfungsi :-
 - Peti Pertolongan Cemas
 - Alat Mencegah Kebakaran
 - Topeng Gas (full-face mask)
 - Penapis Gas Methyl Bromide
 - Alat Mengukur TLV
 - Tangga
 - Pita Keselamatan
 - Poster Amaran
5. Mempunyai stor penyimpanan racun Methyl Bromide yang baik dan selamat mengikut spesifikasi Lembaga Racun Makhluk Perosak.

6. Berjaya melaksanakan kerja-kerja pewasapan mengikut piawaian yang ditetapkan
7. Syarikat-syarikat yang telah memenuhi kriteria-kriteria di atas akan dianugerahkan Perakuan Pensijilan untuk tempoh selama 2 tahun.

4. PENDAFTARAN

- Bagi menyertai Skim Akreditasi Pewasapan Australia (MAFAS), syarikat akan didaftarkan apabila syarikat mempunyai fumigator berlesen dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan sijil kompetensi AFAS.
- Setiap syarikat yang telah diperakukan di bawah SKIM PERAKUAN PENSIJILAN PEWASAPAN MALAYSIA adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan terma-terma Skim.



Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian
Aras 3, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03-2030 1432 / 1400
Email : myskim.doa@gmail.com



MAFAS
MALAYSIA FUMIGATION ACCREDITATION SCHEME



APA ITU SKIM AKREDITASI PEWASAPAN MALAYSIA?

SATU PROGRAM YANG DITAWARKAN OLEH JABATAN PERTANIAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PEWASAPAN YANG BERMINAT UNTUK MENJALANKAN KERJA-KERJA RAWATAN KUARANTIN KE ATAS KAYU PEMBUNGKUS (WOOD PACKAGING MATERIALS) MENGIKUT KEHENDAK-KEHENDAK ANTARABANGSA (WTO DAN ISPM 15)

1. PERMOHONAN

Syarikat yang ingin menyertai Skim ini perlu mengemukakan borang permohonan yang lengkap secara rasmi kepada pihak urusetia untuk diproses. Permohonan boleh dikemukakan kepada urusetia mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:-

- Bagi permohonan baru, syarikat boleh mengemukakan permohonan kepada Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT), Jabatan Pertanian.
- Syarikat-syarikat yang ingin memperbaharui penyertaan, permohonan boleh dikemukakan dalam tempoh 3 bulan sebelum tamat tempoh pensijilan.
- Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.
- Syarikat perlu menyertakan dokumen-dokumen berikut yang sah laku ketika mengemukakan permohonan:

i. SALINAN LESEN PENDAFTARAN SYARIKAT (ROC / ROB)

ii. SALINAN LESEN PERNIAGAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

iii. SALINAN LESEN PEWASAPAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (MOH)

iv. SALINAN LESEN MENJUAL DAN MENYIMPAN RACUN MAKHLUK PEROSAK (LRMP)

v. SALINAN LESEN SYARIKAT PENGENDALI RACUN (PCO)

vi. SALINAN SIJIL KOMPETENSI AFAS (SEKIRANYA ADA)

PROFIL SYARIKAT YANG MENGANDUNGI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

ALAMAT PERNIAGAAN

PEMILIK SYARIKAT

CARTA ORGANISASI

- Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses sehingga semua dokumen yang diperlukan telah diterima.
- Syarikat yang menggunakan lesen fumigator yang sedang digantung tidak dibenarkan menyertai Skim sehingga tamat tempoh penggantungan.

2. PENGAUDITAN

Setelah permohonan yang dikemukakan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, pihak urusetia akan menetapkan tarikh pengauditan.

Setiap syarikat yang akan menjalani audit perlu memenuhi syarat-syarat am pengauditan seperti berikut:-

- Menggunakan kontena bersaiz minima 20 kaki, kosong / berisi.
- Menggunakan kepekatan gas 48 g/m³ selama 24 jam.
- Mengemukakan lesen-lesen dan dokumen asal semasa pengauditan.
- Mempunyai peralatan pewasapan sendiri yang lengkap, dikalibrasi dan berfungsi dengan baik
- Fumigator dan operator perlu hadir di tapak pewasapan semasa praktikal dijalankan.
- Juruaudit akan memilih kumpulan operator dan fumigator untuk melaksanakan kerja-kerja praktikal jika syarikat mempunyai lebih daripada satu kumpulan operator dan fumigator.
- Pengauditan akan mula dinilai dengan praktikal awal penyediaan kerja pewasapan, audit dokumen dan berakhir dengan mendapatkan bacaan Threshold Limit Value (TLV).
- Kerja-kerja praktikal awal yang gagal dari segi mendapatkan bacaan kepekatan gas awal dibenarkan untuk diulang semula pada hari yang sama selewat-lewatnya sebelum pukul 5 petang pada hari yang sama.
- Bacaan kepekatan gas perlu diambil di awal pemantauan (start-point monitoring).

BAGAIMANA MENYERTA SKIM INI?

APAKAH SYARAT-SYARAT UNTUK LAYAK DIPERAKUKAN?

APAKAH KELEBIHAN MENYERTA SKIM INI?

PROSES-PROSES PENYERTAAN SKIM

Untuk melayakkan syarikat menyertai Skim ini, setiap syarikat akan melalui beberapa proses penilaian dan pengauditan dalam beberapa aspek penting yang akan diambil kira sebelum layak ditauliahkan.

Proses-proses utama penyertaan Skim adalah :-

